

Garis Panduan Pelaksanaan Anugerah Kecemerlangan Pengajaran di Peringkat Fakulti dan Pusat Pengajian Pra- Universiti (PPPU)

1. Tujuan

Garis panduan ini bertujuan menyediakan panduan kepada pihak Fakulti dan PPPU dalam melaksanakan anugerah kecemerlangan pengajaran di Fakulti/PPPU masing-masing. Panduan ini memperincikan kategori anugerah, tatacara pencalonan, format laporan pencalonan dan proses pemilihan.

2. Latar Belakang

- 2.1 Universiti Malaysia Sarawak menerusi Amanat Naib Canselor, YBhg Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi telah mengumumkan tema UNIMAS bagi tahun 2019 ialah “*Nuturing Future Graduates*” yang dirangkumkan menerusi dua fokus utama iaitu “*Strengthening Teaching Excellence*” dan “*Enhancing Student Experience*”. Antara strategi yang telah digariskan dalam Amanat YBhg Naib Canselor adalah pengwujudan satu mekanisme untuk mengiktiraf kecemerlangan staf akademik di peringkat Fakulti dan PPPU sebagai pelengkap kepada pengiktirafan di peringkat universiti.
- 2.2 Selain itu, pengwujudan anugerah kecemerlangan pengajaran di peringkat Fakulti dan PPPU adalah sejajar dengan peredaran zaman termasuk Revolusi Industri ke-4 yang menuntut pemikiran dan reka bentuk semula pengajian tinggi terutamanya daripada segi kaedah staf akademik mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran yang transformatif dan selari dengan kehendak semasa adalah diperlukan demi menjamin pengajaran yang berkualiti dan memperkukuhkan pengalaman pembelajaran pelajar.

3. Objektif

- 3.1 Objektif inisiatif anugerah kecemerlangan pengajaran di peringkat fakulti adalah untuk:
- 3.1.1 Mengiktiraf sumbangan signifikan oleh staf akademik dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran;
 - 3.1.2 Memberi peluang kepada staf akademik untuk mengetengahkan kecemerlangan mereka dalam pengajaran sebagai motivasi sebelum penyertaan dalam anugerah di peringkat lebih tinggi;
 - 3.1.3 Menyokong usaha universiti dalam memantapkan kualiti dan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan akademik menerusi pelbagai kaedah kreatif dan inovatif; dan
 - 3.1.4 Meningkatkan keterlihatan UNIMAS di arena pengajaran dan pembelajaran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

4. Kategori Anugerah

- 4.1 Terdapat lima (5) kategori anugerah kecemerlangan pengajaran untuk dibuka kepada pencalonan:
- 4.1.1 **Anugerah Pengajaran (*Teaching Award*)**
Anugerah ini memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada tenaga pengajar yang telah menunjukkan keserjanaan dan kecemerlangan dalam pengajaran. Keserjanaan pengajaran merujuk kepada tahap keilmuan yang tinggi yang merangkumi penjaan dan perkongsian ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran. Kecemerlangan pengajaran merujuk kepada amalan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan yang kreatif dan inovatif, berasaskan falsafah, teori dan prinsip pengajaran yang mantap untuk meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar.
 - 4.1.2 **Anugerah Kecemerlangan dalam Pengalaman Pembelajaran Imersif (Bersemuka) - *Excellent Immersive Learning Experience (Face to Face) Award***
Anugerah ini memberi fokus kepada model/pendekatan pengalaman pembelajaran imersif secara bersemuka yang memberi impak mendalam ke atas pengalaman dan pencapaian pembelajaran pelajar (contoh: *Service-based Learning*, *Community-based Learning*, *Challenge-based Learning* dan seumpamanya).

4.1.3 Anugerah Kecemerlangan dalam Pengalaman Pembelajaran Imersif (Teradun) - *Excellent Immersive Learning Experience (Blended) Award*

Anugerah ini memberi fokus kepada persekitaran pembelajaran yang menggabungkan e-pembelajaran dan pembelajaran bersemuka. Sebagai contoh, penggunaan eLEAP, MOOC, Simulasi, *Augmented Reality* (AR), *Virtual Reality* (VR), *Live Classroom*, *Digital Gamification* dan seumpamanya yang memberi impak mendalam ke atas pengalaman dan pencapaian pembelajaran pelajar.

4.1.4 Anugerah Kecemerlangan dalam Amalan Pengajaran Transformatif - *Excellent Transformative Teaching Practices Award*

Anugerah ini memberi fokus kepada transformasi kaedah pengajaran yang bertujuan untuk meningkatkan keterlibatan dan pencapaian pembelajaran pelajar. Keutamaan diberikan kepada teknik pengajaran tidak berasaskan syarahan yang telah berjaya mentransformasikan pengendalian sesuatu kursus secara efektif dan interaktif terutamanya ke atas keterlibatan dan pembelajaran aktif pelajar. Inovasi pengajaran yang berpotensi tinggi untuk memanfaatkan pelajar juga boleh dipertimbangkan untuk anugerah ini.

4.1.5 Anugerah Kecemerlangan dalam Amalan Pentaksiran - *Excellent Assessment Practices Award*

Anugerah ini memberi fokus kepada kaedah pentaksiran alternatif yang telah berjaya mentransformasikan penilaian hasil pembelajaran sesuatu kursus secara efektif tanpa terikat dengan kaedah-kaedah konvensional seperti ujian dan peperiksaan akhir. Inovasi pentaksiran yang berpotensi tinggi untuk memanfaatkan pelajar juga boleh dipertimbangkan untuk anugerah ini.

5. Syarat Pencalonan

- 5.1 Pencalonan boleh dilakukan secara sendiri atau dicalonkan oleh pihak jabatan/program berdasarkan kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan tertakluk kepada perubahan semasa yang diperakukan oleh pihak Universiti.

Jadual 1: Syarat Pencalonan Anugerah

Anugerah	Syarat
Anugerah Pengajaran	• Pemohon telah disahkan dalam jawatan sebagai tenaga pengajar sekurang-kurangnya lima (5) tahun di UNIMAS pada tahun pencalonan. • Kategori ini hanya terbuka kepada warganegara Malaysia. • Seseorang pemohon hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja dalam tempoh 3 tahun • Setiap Permohonan hendaklah disertakan dengan portfolio pengajaran. Panduan penyediaan portfolio boleh di dapati melalui laman sesawang CALM
Anugerah Kecemerlangan dalam Pengalaman Pembelajaran Imersif (Bersemuka)	• Permohonan terbuka kepada individu/Kumpulan • Hanya satu (1) penyertaan setiap individu/kumpulan bagi kategori yang sama. • Permohonan yang diterima adalah untuk projek/inisiatif yang dibangun dan dilaksanakan pada semester terkini sebelum pencalonan. • Projek/inisiatif haruslah mengandungi elemen pembelajaran imersif bersemuka (contoh: <i>Service-based Learning, Community-based Learning, Challenge-based Learning, Challenge-based Learning</i> dan seumpamanya).
Anugerah Kecemerlangan dalam Pengalaman Pembelajaran Imersif (Teradun)	• Permohonan terbuka kepada individu / kumpulan hanya satu (1) penyertaan setiap individu/kumpulan bagi kategori yang sama. • Permohonan yang diterima adalah untuk projek/inisiatif yang dibangun dan dilaksanakan pada semester terkini sebelum pencalonan • Projek/insiatif haruslah mengandungi elemen pembelajaran imersif teradun (contoh: penggunaan eLEAP, MOOC, Simulasi, <i>Augmented Reality</i> (AR), Virtual Reality (VR), Live Classroom, Digital Gamification dan seumpamanya.
Anugerah Kecemerlangan dalam Amalan Pengajaran Transformatif	• Permohonan terbuka kepada individu/kumpulan. • Hanya satu (1) penyertaan setiap individu/kumpulan bagi kategori yang sama. • Permohonan yang diterima adalah untuk projek/inisiatif yang dibangun dan dilaksanakan pada semester terkini sebelum pencalonan. • Projek/inisiatif haruslah mengandungi elemen pengajaran tranformatif yang tidak berasaskan syarahan (lecture) atau elemen inovasi pengajaran yang berpotensi tinggi.
Anugerah Kecemerlangan dalam Amalan Pentaksiran	• Permohonan terbuka kepada individu/kumpulan • Hanya satu (1) penyertaan setiap individu/kumpulan bagi kategori yang sama. • Permohonan yang diterima adalah untuk projek/inisiatif

yang dibangun dan dilaksanakan pada semester terkini sebelum pencalonan.

- Projek/inisiatif haruslah mengandungi elemen amalan pentaksiran alternatif yang tidak berasaskan kaedah konvensional semata-mata (seperti ujian dan peperiksaan akhir) atau elemen inovasi pentaksiran yang berpotensi tinggi.

5.2 Setiap program akademik digalakkan untuk mengenal pasti sekurang-kurangnya satu (1) pencalonan untuk setiap kategori dalam kalangan staf akademik di fakulti. Bagi Anugerah Pengajaran pula, pihak pengurusan tertinggi fakulti dan PPPU boleh mencalonkan staf-staf yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pengajaran sepanjang tempoh perkhidmatan.

5.3 **Skor minimum** bagi calon penerima anugerah adalah **70%** bagi semua kategori anugerah kecuali Anugerah Pengajaran yang memerlukan skor minimum sebanyak **75%**.

6. Kriteria Penilaian

Kriteria penilaian yang ditetapkan telah diadaptasi daripada Anugerah Akademik Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS (MAGU), Anugerah Akademik Negara (AAN) dan Anugerah Khas Menteri Pendidikan: Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI). Kriteria-kriteria penilaian untuk setiap anugerah adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Kriteria Penilaian Anugerah

Anugerah	Kriteria
Anugerah Pengajaran	Falsafah pengajaran dan pembelajaran (20%) • Pernyataan falsafah yang jelas dengan kepercayaan dan nilai • Pernyataan teori/model yang mendasari falsafah pengajaran dan pembelajaran
	Strategi tentang kaedah pengajaran, penyeliaan dan penilaian (25%) • Perincian strategi perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan penilaian beserta bukti dan maklumat berkaitan seperti senarai kursus, bilangan pelajar dan bilangan pelajar diselia.
	Kreativiti dan inovasi serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran (25%) • Pernyataan kreativiti dan inovasi yang sejajar dan menyokong falsafah dan kaedah pengajaran/ penilaian
	Terangkan kreativiti dalam inovasi yang dilaksanakan yang merangsang dan memupuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan penajajaran hasil pembelajaran

	• Impak inovasi yang digunakan terhadap kualiti pengajaran • Bukti-bukti perlu disertakan untuk setiap bahagian. Penilaian dan testimonial pengajaran/penyeliaan (10%) • Sertakan testimonial pengajaran/penyeliaan berkesan dari pelbagai sumber merangkumi: pelajar, rakan sejawat, jabatan/fakulti, universiti, universiti dan komuniti/industri Penambahbaikan pengajaran, penyeliaan dan penilaian serta pembangunan professional (10%) • Dokumentasi refleksi, analisis/sintesis untuk penambahbaikan tindakan dan perkongsian, serta pembangunan professional dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian. Kesarjanaan dalam pengajaran (10%) • Perkongsian ilmu dan amalan pengajaran/penyeliaan dan penilaian di pelbagai peringkat (university/kebangsaan/antarabangsa) melalui pelbagai sumber seperti media social, penerbitan, bengkel/seminar, dll) • Pengikhtirafan (anugerah, ucap tama, penilai) yang diperolehi. • Kepimpinan (Jawatankuasa/AJK, dsb) dalam komuniti akademik yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.
Anugerah Kecemerlangan dalam Pengalaman	Rasional (10%) Apakah motivasi & isu/permasalahan utama yang menggerakkan pemikiran dan reka bentuk semula? Pendekatan (30%) Apakah pendekatan/pemikiran dan reka bentuk semula yang digunakan? (Perlu disertakan dengan bukti/portfolio) Keterlibatan Pelajar atau Inovasi (30%) Bagaiman pelajar terlibat dalam pengalaman pembelajaran bermakna? Atau kekukatan inovasi dalam meningkatkan keterlibatan pelajar? (Perlu disertakan dengan bukti/portfolio) Impak Ke Atas Pembelajaran Pelajar (30%) Apakah impak utama ke atas pengalaman pembelajaran dan pencapaian pembelajaran pelajar? (Perlu disertakan dengan bukti/portfolio)
Pembelajaran Imersif (Bersemuka)	
Anugerah Kecemerlangan dalam Pengalaman Pembelajaran Imersif (Teradun)	
Anugerah Kecemerlangan dalam Amalan Pengajaran Transformatif	
Anugerah Kecemerlangan dalam Amalan Pentaksiran	

7. Rubrik Penilaian

Rubrik penuh penilaian bagi anugerah yang dinyatakan dalam Jadual 2 boleh diteliti di Lampiran A garis panduan ini.

8. Proses Pelaksanaan

Anugerah Kecemerlangan Pengajaran di peringkat fakulti dan PPPU akan dilaksanakan oleh fakulti/pusat masing-masing bersama-sama Panel Berkecuali/*Independent Panel* yang telah dilantik dengan penyelarasan dan pemantauan oleh pihak CALM. Proses-proses penting dalam pelaksanaan adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Proses Utama dalam Pelaksanaan

Proses Utama		Tindakan
i. Taklimat kriteria-kriteria anugerah dan proses pencalonan	Pihak CALM akan menjalankan sesi taklimat berhubung kriteria-kriteria anugerah dan proses pencalonan dengan melibatkan wakil fakulti dan PPPU	CALM
ii. Makluman pembukaan proses pencalonan pada setiap semester	- Pihak CALM akan menguar-uarkan kepada fakulti tentang pembukaan tempoh proses pencalonan dan pihak fakulti perlu menyebarluaskan makluman berkenaan kepada staf akademik. - Setiap program akademik digalakkan untuk mengenal pasti sekurang-kurang 1 calon yang sesuai untuk setiap kategori anugerah.	CALM, Fakulti & PPPU
iii. Penubuhan Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Kecemerlangan Pengajaran Fakulti/PPPU	- Pihak fakulti perlu menubuhkan Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Kecemerlangan Pengajaran Fakulti/PPPU dengan merangkumi pengurusan fakulti/pusat (Dekan/Pengarah, Timbalan Dekan (Prasiswazah), Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pascasiswazah) / Timbalan Pengarah dan staf-staf akademik yang sesuai khususnya yang berpengalaman dalam pengajaran dan telah melengkapkan <i>PgDipHETL</i> kendalian CALM). - Bilangan minimum adalah 5 orang ahli, dan maksimum 7 orang. - Sekiranya terdapat ahli jawatankuasa yang mencalonkan diri untuk mana- mana anugerah, maka ahli ini perlu digantikan. - Lantikan Jawatankuasa Panel Penilai ini adalah digalakkan untuk dibuat secara tahunan.	Fakulti & PPPU
iv. Pengumpulan pencalonan dalam tempoh yang ditetapkan	- Pihak fakulti/pusat harus berusaha menggalakkan staf akademik untuk membuat pencalonan untuk setiap kategori anugerah - Setiap program akademik juga digalakkan untuk mengenal pasti sekurang-kurangnya satu (1) pencalonan untuk setiap kategori dalam kalangan staf akademik di fakulti. - Borang pencalonan yang dihantar harus didokumentasikan secara sistematik(termasuk dalam bentuk digital). - Tempoh yang akan diberikan adalah sekitar 2 bulan (Ogos-Oktobre untuk Pencalonan).	Fakulti & PPPU
v. Penilaian oleh Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Kecemerlangan Pengajaran Fakulti/PPPU	- Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Kecemerlangan Fakulti/PPPU dan pihak panel berkecuali yang telah dilantik perlu membuat penilaian ke atas semua pencalonan dalam tempoh yang diberikan iaitu dalam tempoh 4 minggu selepas tarikh tutup pencalonan. - Keputusan penilaian harus disahkan oleh Dekan Fakulti atau Pengarah PPPU dan dimajukan kepada pihak CALM berserta dengan borang.	Fakulti & PPPU
vi. Vetting oleh Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Kecemerlangan Pengajaran Peringkat Universiti	- CALM akan membuat vetting melalui Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Kecemerlangan Pengajaran Peringkat Universiti untuk memastikan proses penilaian telah dilakukan dengan betul dan saksama. - Sekiranya terdapat sebarang ralat atau perubahan, proses penilaian semula akan dicadangkan atau tiada pemenang akan diberikan untuk kategori yang berkenaan.	CALM
vii. Proses perakuan pemenang anugerah di peringkat JTSPPA dan Senat		CALM
viii. Makluman pemenang dan penganugerahan di peringkat fakulti/PPPU	Pihak fakulti/pusat boleh mengadakan upacara penganugerahan di acara fakulti/pusat seperti Makan Malam Tahunan, Hari Terbuka dan seumpamanya.	Fakulti/PPPU

9. Borang Pencalonan

Borang-borang pencalonan akan diedarkan kepada pihak fakulti/PPPU atau boleh dimuat turun dari laman sesawang CALM. Sebarang perubahan akan dimaklumkan oleh pihak CALM sebelum bermulanya tempoh pencalonan.

10. Hadiah dan Imbuhan

Cadangan hadiah dan imbuhan bagi setiap anugerah adalah dalam bentuk

- Sijil kecemerlangan yang ditandatangani oleh Naib Canselor,
- Bantuan khas untuk penyertaan dalam latihan akademik di peringkat kebangsaan,
- Peluang penerbitan tentang kecemerlangan untuk setiap kategori dalam makalah yang sesuai,
- Markah dalam LNPT,
- Peluang perkongsian amalan terbaik di peringkat universiti,
- Peluang penyertaan dalam pertandingan atau anugerah berkaitan pengajaran dan pembelajaran di peringkat kebangsaan,
- Paparan nama pemenang dalam *UNIMAS Teaching Excellence Wall of Fame*.

11. Hal-hal Lain

- 11.1 Sebarang pindaan ke atas syarat-syarat, kriteria penilaian dan hadiah anugerah akan diuar-uarkan oleh pihak CALM melalui medium yang sesuai sebelum pelaksanaan anugerah dimulakan pada sesuatu semester.
- 11.2 Pihak fakulti dan PPPU adalah dinasihatkan untuk mematuhi dasar-dasar integrity yang berkuatkuasa di UNIMAS dalam proses pelaksanaan anugerah ini supaya proses ini dapat dilaksanakan dengan penuh saksama dan berintegriti.

Lampiran A

Rubrik Penilaian Anugerah Anugerah Kecemerlangan Pengajaran di Peringkat Fakulti dan Pusat Pengajian Pra-Universiti (PPPU)

Anugerah Pengajaran

Kriteria		Lemah 1-3	Sederhana 4-6	Baik 7-10
• Pernyataan falsafah yang jelas dengan kepercayaan dan nilai (10%)		Calon menyatakan falsafah pengajaran dan pembelajaran yang terlalu umum dan tidak jelas menggambarkan kepercayaan dan nilai kesarjanaan calon.	Calon menyatakan falsafah pengajaran dan pembelajaran yang memuaskan dan mencukupi bagi menggambarkan kepercayaan dan nilai kesarjanaan calon.	Calon menyatakan falsafah pengajaran dan pembelajaran yang sangat jelas dan terperinci dalam menggambarkan kepercayaan dan nilai kesarjanaan calon.
• Pernyataan teori/model yang mendasari falsafah pengajaran dan pembelajaran (10%) (Teori dan model merujuk kepada teori/model yang berkait secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran seperti constructivism, discovery learning, dll.)		Calon menyatakan teroi/model yang tidak jelas mendasari falsafah pengajaran dan pembelajaran.	Calon menyatakan teroi/model yang memuaskan dan mencukupi untuk mendasari falsafah pengajaran dan pembelajaran.	Calon menyatakan teroi/model yang sangat jelas dan terperinci untuk mendasari falsafah pengajaran dan pembelajaran.
• Perincian dan jelaskan strategi perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan terhadap perkara berikut: (a) Pengajaran/penyeliaan (10%) (b) Penilaian (10%)		Perancangan dan pelaksanaan kaedah pengajaran/penyeliaan tidak diperincikan dan tidak jelas.	Perancangan dan pelaksanaan kaedah pengajaran/penyeliaan mencukupi.	Perancangan dan pelaksanaan kaedah pengajaran/penyeliaan sangat jelas diperincikan.
		Perancangan dan pelaksanaan kaedah penilaian tidak diperincikan dan tidak jelas.	Perancangan dan pelaksanaan kaedah penilaian mencukupi.	Perancangan dan pelaksanaan kaedah penilaian sangat jelas diperincikan.

•	Sertakan bahan bukti/maklumat yang berkaitan dengan pernyataan strategi di atas, contoh: (5%) (a) Senarai kursus (b) Rangka kursus dan bilangan pelajar (c) Bilangan pelajar diselia mengikut peringkat Sijil/Diploma/Sarjana Muda/Sarjana/PhD (yang berkaitan)	1-2	3-4	5
		Bahan bukti/maklumat tidak disertakan dengan baik/sem্পurna.	Bahan bukti/maklumat berkaitan adalah mencukupi.	Kesemua bahan bukti/maklumat berkaitan disertakan dengan sem্পurna.
•	Pernyataan kreativiti dan inovasi yang sejajar dan menyokong: (a) Falsafah pengajaran/penyeliaan dan penilaian (4%)	1	2-3	4
		Pernyataan kreativiti dan inovasi tidak sejajar dan tidak menyokong Falsafah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.	Pernyataan kreativiti dan inovasi sejajar dan menyokong Falsafah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.	Pernyataan kreativiti dan inovasi amat sejajar dan sangat menyokong Falsafah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.
	(b) Kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian (4%)	1	2-3	4
		Pernyataan kreativiti dan inovasi tidak sejajar dan tidak menyokong kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.	Pernyataan kreativiti dan inovasi sejajar dan menyokong kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.	Pernyataan kreativiti dan inovasi amat sejajar dan sangat menyokong kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian.
•	Terangkan kreativiti dalam inovasi yang dilaksanakan (i) Ciri inovasi (3%) (a) Asli (b) Signifikan (c) Relevan	1	2	3
		Tiada/kurang ciri inovasi.	Mempunyai ciri inovasi yang asli, signifikan dan relevan.	Mempunyai ciri inovasi yang asli, signifikan dan relevan yang amat baik/sem্পurna.
•	(ii) Kaedah pengajaran dan pembelajaran atau penilaian yang merangsang dan memupuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) (3%)	1	2	3
		Tiada/kurang menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran atau penilaian yang merangsang dan memupuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)	Menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran atau penilaian yang merangsang dan memupuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang mencukupi.	Menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran atau penilaian yang merangsang dan memupuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang amat baik.

•	(iii) Kesejajaran antara kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian dengan hasil pembelajaran (3%)	1	2	3
		Tiada/kurang kesejajaran antara kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian dengan hasil pembelajaran.	Kesejajaran antara kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian dengan hasil pembelajaran adalah mencukupi .	Kesejajaran antara kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian dengan hasil pembelajaran adalah amat baik/jelas .
•	Impak inovasi yang digunakan terhadap kualiti pengajaran kepada: (a) Peningkatan pencapaian pelajar (4%) – beserta bukti *kosong jika tidak disertakan bukti	1	2-3	4
		Tiada/kurang impak inovasi yang digunakan terhadap kualiti pengajaran kepada peningkatan pencapaian pelajar.	Impak inovasi yang digunakan terhadap kualiti pengajaran kepada peningkatan pencapaian pelajar adalah baik .	Impak inovasi yang digunakan terhadap kualiti pengajaran kepada peningkatan pencapaian pelajar amatlah amat baik .
•	(b) Kualiti hasil kerja pelajar (4%) – beserta bukti	1	2-3	4
		Tiada/kurang impak inovasi yang digunakan terhadap kualiti pengajaran kepada kualiti hasil kerja pelajar.	Impak inovasi yang digunakan terhadap kualiti pengajaran kepada kualiti hasil kerja pelajar adalah baik .	Impak inovasi yang digunakan terhadap kualiti pengajaran kepada kualiti hasil kerja pelajar adalah amat baik .
•	Sertakan bukti hasil penilaian pengajaran/penyeliaan oleh pelajar (5%) *kosong jika tidak disertakan bukti	1-2	3-4	5
		Bukti hasil penilaian pengajaran/penyeliaan oleh pelajar disertakan tidak lengkap .	Bukti hasil penilaian pengajaran/penyeliaan oleh pelajar disertakan dengan mencukupi .	Bukti hasil penilaian pengajaran/penyeliaan oleh pelajar disertakan dengan amat baik .
•	Sertakan testimonial pengajaran/penyeliaan berkesan daripada pelbagai sumber merangkumi: (5%) (a) Pelajar (b) Rakan Sejawat (c) Jabatan/Fakulti (d) Universiti (e) Komuniti/Industri *kosong jika tidak disertakan bukti	1-2	3-4	5
		Menyediakan hanya 1 atau 2 testimonial pengajaran/penyeliaan berkesan daripada pelbagai sumber.	Menyediakan 3 atau lebih testimonial pengajaran/penyeliaan berkesan daripada pelbagai sumber.	Menyediakan 5 atau lebih testimonial pengajaran/penyeliaan berkesan daripada pelbagai sumber.
•	Penambahbaikan kaedah pengajaran/penyeliaan dan penilaian melalui amalan reflektif yang merangkumi: (5%)	1-2	3-4	5
		Tiada atau kurang penambahbaikan kaedah pengajaran/penyeliaan dan	Mempunyai penambahbaikan kaedah pengajaran/penyeliaan dan	Mempunyai penambahbaikan kaedah pengajaran/penyeliaan dan

	(a) Dokumentasi refleksi (b) Analisis/sintesis untuk penambahbaikan (c) Tindakan dan perkongsian	penilaian.	penilaian melalui amalan reflektif yang mencukupi .	penilaian melalui amalan reflektif yang amat baik .
•	Pembangunan professional dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian (5%)	1-2	3-4	5
		Tiada atau kurang penambahbaikan pembangunan professional dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian.	Penambahbaikan pembangunan professional dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian adalah mencukupi .	Penambahbaikan pembangunan professional dalam pengajaran/penyeliaan dan penilaian adalah amat baik .
•	Perkongsian ilmu dan amalan pengajaran/penyeliaan dan penilaian di pelbagai peringkat (university/kebangsaan/antarabangsa) melalui mana-mana yang berikut: (4%) (a) Media social (termasuk YouTube, blog, Facebook dll) (b) Bengkel/seminar (c) Komuniti pembelajaran (Special Interest Group) (d) Modul pembelajaran/buku teks (e) Penerbitan berwasit (f) Penerbitan digital (contoh e-buku, e-jurnal)	1	2-3	4
		Perkongsian ilmu dan amalan pengajaran/penyeliaan dan penilaian di pelbagai peringkat amat kurang/sedikit .	Perkongsian ilmu dan amalan pengajaran/penyeliaan dan penilaian di pelbagai peringkat adalah mencukupi .	Perkongsian ilmu dan amalan pengajaran/penyeliaan dan penilaian di pelbagai peringkat amat luas, banyak dan baik .
•	Pengiktirafan (anugerah/jemputan ucap tama/ seminar/ penceramah jemputan/jurulatih utama/ mentor) yang diperolehi (3%)	1	2	3
		Pengiktirafan yang diperolehi amat kurang/sedikit .	Pengiktirafan yang diperolehi adalah mencukupi .	Pengiktirafan yang diperolehi adalah amat luas, banyak dan baik .
•	Kepimpinan (pengerusi/ jawatan kuasa) dalam komuniti akademik (fakulti/ university/ persatuan akademik peringkat kebangsaan/ antarabangsa) yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (3%).	1	2	3
		Kurang/ amat sedikit memegang kepimpinan dalam komuniti akademik yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.	Kepimpinan dalam komuniti akademik yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran adalah mencukupi .	Kepimpinan dalam komuniti akademik yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran amat luas, banyak dan baik .

Rubrik Penilaian Bagi:

- **Anugerah Kecemerlangan dalam Pengalaman Pembelajaran Imersif (Bersemuka)**
- **Anugerah Kecemerlangan dalam Pengalaman Pembelajaran Imersif (Teradun)**
- **Anugerah Kecemerlangan dalam Amalan Pengajaran Transformatif**
- **Anugerah Kecemerlangan dalam Amalan Pentaksiran**

Kriteria	Lemah	Sederhana	Baik
RASIONAL PROJEK (10%)			
D1 – Apakah isu/permasalahan utama yang menggerakkan pemikiran dan reka bentuk semula (pengajaran/pentaksiran)? (5%)	1-2 Calon menjelaskan isu dan permasalahan secara umum tanpa perkaitan kukuh dengan pemikiran dan reka bentuk semula.	3-4 Calon menjelaskan isu dan permasalahan secara mencukupi untuk menunjukkan perkaitan memuaskan dengan pemikiran dan reka bentuk semula.	5 Calon menjelaskan isu dan permasalahan secara baik untuk menunjukkan perkaitan kukuh dengan pemikiran dan reka bentuk semula.
D2 – Apakah falsafah yang menjadi asas kepada pemikiran dan reka bentuk semula (pengajaran/pentaksiran)? (5%)	1-2 Calon menerangkan falsafah kepada pemikiran dan reka bentuk semula secara ringkas dan tidak menunjukkan pertimbangan yang baik.	3-4 Calon menerangkan falsafah kepada pemikiran dan reka bentuk semula secara memuaskan dan menunjukkan pertimbangan yang mencukupi.	5 Calon menerangkan falsafah kepada pemikiran dan reka bentuk semula secara baik dan menunjukkan pertimbangan yang mendalam.
PENDEKATAN PROJEK (30%)			
E1 – Apakah pendekatan pembelajaran/pentaksiran yang digunakan? Justifikasi reka bentuk (asli), reka bentuk semula (adaptasi) (10%)	1-3 Calon memberikan justifikasi yang tidak mencukupi untuk menyokong reka bentuk atau reka bentuk semula yang dilaksanakan.	4-6 Calon memberikan justifikasi yang memuaskan untuk menyokong reka bentuk atau reka bentuk semula yang dilaksanakan.	7-10 Calon memberikan justifikasi yang baik untuk menyokong reka bentuk atau reka bentuk semula yang dilaksanakan.
E2 – Perincian pelaksanaan pendekatan yang digunakan – sejauh mana pendekatan tersebut sistematik, boleh pindah (transferable) dan/atau	1-3 Pendekatan pembelajaran bersemuka pada aras inovasi yang rendah khususnya dari segi sistematik (susun atur),	4-6 Pendekatan pembelajaran bersemuka pada aras inovasi yang sederhana khususnya dari segi sistematik (susun	7-10 Pendekatan pembelajaran bersemuka pada aras inovasi yang tinggi dari segi sistematik (susun atur), boleh

boleh skala (scalable) (10%)	boleh pindah dan/atau boleh skala.	atur), boleh pindah dan/atau boleh skala.	pindah dan/atau boleh skala.
E3 – Bagaimana pendekatan ini mampu menyediakan pembelajaran bermakna/pentaksiran berkesan kepada pelajar?(10%)	1-3 Penerangan tentang penyediaan pembelajaran bermakna adalah tidak mencukupi untuk memberikan sokongan kukuh terhadap pendekatan yang dilaksanakan.	4-6 Penerangan tentang penyediaan pembelajaran bermakna adalah memuaskan dan mencukupi untuk memberikan sokongan kukuh terhadap pendekatan yang dilaksanakan.	7-10 Penerangan tentang penyediaan pembelajaran bermakna adalah baik untuk memberikan sokongan kukuh terhadap pendekatan yang dilaksanakan.
KETERLIBATAN PELAJAR (30%)			
F1 – Bagaimana pelajar terlibat dalam pengalaman pembelajaran bermakna (kognitif, afektif, psikomotor)? (10%) – Berserta bukti *kosong jika tidak disertakan bukti	1-3 Penglibatan pelajar dalam aspek kognitif, psikomotor dan afektif berada pada aras rendah – berdasarkan bukti yang dikemukakan.	4-6 Penglibatan pelajar dalam aspek kognitif, psikomotor dan afektif berada pada aras sederhana – berdasarkan bukti yang dikemukakan.	7-10 Penglibatan pelajar dalam aspek kognitif, psikomotor dan afektif berada pada aras tinggi – berdasarkan bukti yang dikemukakan.
F2 – Sejauh manakah pelajar terlibat secara imersif (penghayatan kandungan dan pendekatan pengajaran) melalui pendekatan ini? (10%) – Berserta bukti *kosong jika tidak disertakan bukti	1-3 Penglibatan pelajar dalam penghayatan kandungan dan pendekatan pengajaran berada pada aras rendah – berdasarkan bukti yang dikemukakan.	4-6 Penglibatan pelajar dalam penghayatan kandungan dan pendekatan pengajaran berada pada aras sederhana – berdasarkan bukti yang dikemukakan.	7-10 Penglibatan pelajar dalam penghayatan kandungan dan pendekatan pengajaran berada pada aras tinggi – berdasarkan bukti yang dikemukakan.
F3 – Sejauh manakah setiap pelajar terlibat secara aktif melalui pendekatan ini? (10%) – Berserta bukti *kosong jika tidak disertakan bukti	1-3 Penglibatan pelajar dalam projek atau pendekatan yang digunakan pada aras rendah – berdasarkan bukti yang dikemukakan.	4-6 Penglibatan pelajar dalam projek atau pendekatan yang digunakan pada aras sederhana – berdasarkan bukti yang dikemukakan.	7-10 Penglibatan pelajar dalam projek atau pendekatan yang digunakan pada aras tinggi – berdasarkan bukti yang dikemukakan.
IMPAK KE ATAS PEMBELAJARAN PELAJAR (30%)			
G1 – Sejauh manakah pendekatan ini telah meningkatkan pencapaian pelajar dari aspek pengetahuan (content knowledge)? – boleh dinilai berdasarkan pencapaian hasil pembelajaran (LO).	1-3 Pendekatan yang diambil memberi impak yang rendah – berdasarkan bukti yang dikemukakan.	4-6 Pendekatan yang diambil memberi impak yang sederhana dalam meningkatkan pencapaian pelajar dari aspek pengetahuan – berdasarkan bukti yang	7-10 Pendekatan yang diambil memberi impak yang tinggi dalam meningkatkan pencapaian pelajar dari aspek pengetahuan – berdasarkan bukti yang dikemukakan.

*kosong jika tidak disertakan bukti		dikemukakan.	
G2 – Sejauh manakah pendekatan ini telah meningkatkan pencapaian pelajar dari aspek kemahiran (skills)? – boleh dinilai berdasarkan pencapaian hasil pembelajaran (LO). *kosong jika tidak disertakan bukti	1-3 Pendekatan yang diambil memberi impak yang rendah dalam meningkatkan pencapaian pelajar dari aspek kemahiran – berdasarkan bukti yang dikemukakan.	4-6 Pendekatan yang diambil memberi impak yang sederhana dalam meningkatkan pencapaian pelajar dari aspek kemahiran – berdasarkan bukti yang dikemukakan.	7-10 Pendekatan yang diambil memberi impak yang tinggi dalam meningkatkan pencapaian pelajar dari aspek kemahiran – berdasarkan bukti yang dikemukakan.
G3 – Sejauh manakah pendekatan ini memberikan kesan kepada perubahan sikap (observable change in attitudes) dan kemahiran social (social skills) pelajar? – boleh dinilai berdasarkan pencapaian hasil pembelajaran (LO) atau bukti yang relevan seperti refleksi pelajar, perkongsian, testimonial, dll. *kosong jika tidak disertakan bukti	1-3 Pendekatan yang diambil memberi impak yang rendah dalam perubahan sikap dan kemahiran sosial pelajar-berdasarkan bukti yang dikemukakan.	4-6 Pendekatan yang diambil memberi impak yang sederhana dalam perubahan sikap dan kemahiran sosial pelajar -berdasarkan bukti yang dikemukakan.	7-10 Pendekatan yang diambil memberi impak yang tinggi dalam perubahan sikap dan kemahiran sosial pelajar -berdasarkan bukti yang dikemukakan.
	Contoh perubahan sikap: Peningkatan keinginan untuk belajar (pelajar yang pasif menjadi lebih aktif), persediaan sebelum kelas, kecenderungan untuk bertanya.		
	Contoh kemahiran sosial: Etika semasa berkomunikasi dengan pensyarah dan rakan sekelas, kerjasama berkumpulan, penggunaan Bahasa yang betul dan berhemah, dll.		